- c. Kemudahan sokongan seperti peralatan komunikasi, kenderaan, tempat dewan makan, dewan kuliah, bilik latihan, auditorium dan kemudahan sukan; dan
- d. Kelengkapan pejabat seperti mesin pencetak, mesin pengimbas, mesin faksimile dan peralatan lain.

Bagi memastikan kepatuhan, BPL dan ILKMM menyediakan perancangan penyelenggaraan tahunan, senarai inventori, senarai harta modal serta rekod penyelenggaraan peralatan.

6.4 Persekitaran Kerja

BPL dan ILKMM hendaklah menyediakan persekitaran kerja yang kondusif dan selamat untuk menjamin keselesaan pelatih dan anggota dalam. Kawalan persekitaran kerja juga termasuklah aspek-aspek keselamatan, kekemasan dan kebersihan ruang pejabat, asrama serta penetapan kod etika kerja.

Kawalan persekitaran juga meliputi aspek berikut:

- i. Kawalan dari segi pencemaran bunyi yang boleh menjejaskan tumpuan kerja anggota dan pembelajaran pelatih;
- ii. Kawalan suhu dan kelembapan ruang pejabat dan bilik kuliah yang sesuai untuk memastikan keselesaan anggota;
- iii. Bagi ruang yang tiada kemudahan pendingin hawa, perlu disediakan kemudahan aliran udara bersih yang mencukupi; dan
- iv. Pencahayaan yang sesuai dengan ruang kerja anggota dan pembelajaran pelatih.



**BAHAGIAN TUJUH
OPERASI**

7.1 Perancangan Proses Penghasilan Perkhidmatan

Perancangan proses penyampaian perkhidmatan dirancang melalui kaedah berikut:

- i. Sasaran Kerja Tahunan;
- ii. Sasaran Kerja Bahagian;
- iii. Penetapan Dasar dan Objektif Kualiti;
- iv. Mesyuarat Pengurusan; dan
- v. Mesyuarat Lembaga Pendidikan.

7.2 Proses Berkaitan Pelanggan

7.2.1 Menentukan Keperluan Perkhidmatan Yang Hendak Disampaikan

Pengurusan BPL dan ILKMM menentukan keperluan dan ekspektasi pelanggan. Keperluan ini dikenal pasti melalui mesyuarat dengan Kementerian, arahan-arahan dan maklum balas

7.2.2 Semakan Semula Ke Atas Keperluan Perkhidmatan Yang Hendak Disampaikan

Pengurusan BPL dan ILKMM menentukan keperluan sebenar dan ekspektasi pelanggan. Pengenalpastian ini untuk memastikan Pengurusan BPL dan ILKMM menentukan keperluan sebenar pelanggan serta kemampuan Pengurusan BPL dan ILKMM untuk memenuhinya.

Sekiranya ada perubahan kepada kontrak asal, Pengurusan BPL dan ILKMM hendaklah memaklumkan kepada pelanggan yang berkenaan.

Dari aspek pembangunan program baharu, cadangan akan diterima oleh Pengurusan BPL daripada pengurusan atasan seperti KSU, KPK, Ketua Program dan Ketua Penyelaras Perkhidmatan. Pengurusan BPL akan membawa cadangan ini untuk kelulusan jawatankuasa yang berkaitan sebelum membentuk kurikulum baru yang juga akan merangkumi silibus kursus, buku rekod praktis klinikal dan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU).



7.2.3 Komunikasi Dengan Pelanggan

Pengurusan BPL dan ILKMM menggunakan pelbagai kaedah untuk menghebah dan memaklumkan kepada pelanggan mengenai dengan perkhidmatan yang disampaikan. Antaranya:

- i. Pengeluaran Garis Panduan;
- ii. Pengeluaran Pekeliling;
- iii. E-mel;
- vi. Mesyuarat;
- vii. Taklimat; dan
- viii. Sesi Dialog.

7.3 Rekabentuk Dan Pembangunan Proses

7.3.1 Perancangan Rekabentuk dan Pembangunan Program Latihan Baru

BPL merancang dan mengawal aktiviti rekabentuk dan membangun proses pengendalian latihan dengan mengambil kira keperluan berikut:

- i. Permintaan/Cadangan untuk mengadakan program baharu daripada pengurusan atasan seperti KSU, KPK, Ketua Program dan Ketua Penyelaras Perkhidmatan;
- ii. Peringkat-peringkat rekabentuk kurikulum dan pembangunan proses pengendalian latihan;
- iii. Peringkat semakan semula, verifikasi dan validasi yang terlibat bagi rekabentuk; kurikulum; dan
- iv. Tanggungjawab dan kuasa yang terlibat dalam proses merekabentuk kurikulum.

7.3.2 Input Kepada Aktiviti Merekabentuk Dan Pembangunan Proses Pemberian Perkhidmatan

BPL menentukan *input* bagi keperluan rekabentuk dan pembangunan program latihan. *Input* ini meliputi:

- i. Objektif dan kumpulan sasaran program latihan yang akan dibangunkan;
- ii. Cadangan oleh agensi dan pihak berkepentingan;
- iii. Maklumat rekabentuk yang telah dibangunkan sebelumnya;



- iv. Pendapat pakar dalam bidang yang berkaitan sama ada terdiri dari warga BPL atau dari luar BPL; dan
- v. Keperluan perundangan dan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi.

7.3.3 Output Kepada Aktiviti Merekabentuk dan Pembangunan Proses Pembangunan Perkhidmatan

Program latihan yang akan disampaikan kepada *output* rekabentuk BPL adalah dalam bentuk program latihan. Program ini akan dikaji semula untuk menentukan supaya ia memenuhi kehendak pelanggan.

Program latihan dikaji semula bagi memastikan setiap *output* rekabentuk dan Pembangunan dihasilkan:

- i. Menepati kehendak rekabentuk dan pembangunan program latihan kepada peserta;
- ii. Menyediakan pelbagai maklumat bagi pengendalian latihan yang lengkap; dan
- iii. Mengandungi kriteria bagi membolehkan pelanggan menepati keperluan yang ditetapkan

7.3.4 Semakan Ke Atas Aktiviti Merekabentuk Dan Pembangunan Proses Pemberian Perkhidmatan

Pelan kualiti akan disemak pada beberapa peringkat semasa merekabentuk dan pembangunannya untuk menentukan supaya semua aktiviti sentiasa memenuhi kehendak pelanggan. Semakan ini hendaklah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kurikulum BPL. Proses ini bertujuan untuk:

- i. Menilai keupayaan pakej latihan yang disediakan menepati keperluan program latihan yang akan dikendalikan; dan
- ii. Menentukan masalah dan mencadangkan kaedah penyelesaian yang diperlukan.

7.3.5 Verifikasi Ke Atas Rekabentuk Dan Pembangunan Proses Pemberian Perkhidmatan

Semakan rekabentuk akan dijalankan di peringkat-peringkat akhir dalam perancangan dan pembangunan projek oleh SUB (PL).



7.3.6 Kawalan Ke Atas Pindaan Rekabentuk

Sebarang perubahan dalam rekabentuk akan didokumenkan, dikaji semula dan dipersetujui oleh pegawai yang diberi kuasa sebelum ia dilaksanakan.

Dokumen berkaitan:

BPL.KKM.PK (T) 07.1 : Merekabentuk Kurikulum Baru

BPL.KKM.PK (T) 07.2 : Semakan Semula Kurikulum

7.4 Perolehan

7.4.1 Proses Perolehan

Proses Perolehan untuk pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan adalah mengikut peraturan-peraturan kewangan yang telah ditetapkan berpandukan **Pekeliling Perbendaharaan (1PP.PK.2.1): Kaedah Perolehan Kerajaan** sama ada sebut harga/ tender atau pembelian terus. BPL memastikan bekalan dan perkhidmatan yang diperolehi memenuhi keperluan perolehan yang ditetapkan dengan meletakkan tahap kawalan ke atas pembekal. Rekod hasil penilaian dan tindakan pembetulan yang berkaitan hendaklah disenggara. Melalui **Sistem ePerolehan**, Agensi Kerajaan dan pembekal dapat membuat perolehan secara cekap dan telus menggunakan persekitaran atas talian yang selamat.

7.4.2 Maklumat Perolehan

Pengurusan BPL dan ILKMM menyenggara maklumat-maklumat mengenai perolehan bekalan dan perkhidmatan yang dilaksanakan. Perincian mengenai proses perolehan, kaedah melaksanakan perolehan dan anggota yang diberi kuasa untuk melaksanakan proses perolehan dijelaskan di dalam prosedur dan arahan-arahan pentadbiran yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

Pengurusan BPL dan ILKMM juga menyenggara Senarai Induk Pembekal Bahan-Bahan dan Perkhidmatan.

7.4.3 Verifikasi Ke Atas Bahan Dan Perkhidmatan Yang Diperolehi

Bahan dan perkhidmatan yang dibekalkan disemak dan diperiksa pada:

- i. Peringkat penerimaan,

KELUARAN: 01	PINDAAN: 02	09 OGOS 2018
---------------------	--------------------	---------------------



**MANUAL KUALITI
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Muka Surat : 33 daripada 52

- ii. Peringkat semasa penggunaan/ perkhidmatan disampaikan melalui pemantauan/ penilaian yang berterusan; dan
- iii. Peringkat selepas perkhidmatan/ bekalan.

Maklumat mengenai prestasi dan tahap kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh pembekal juga disenggara setahun sekali.

Dokumen berkaitan:

BPL.KKM.PK (S)09: Pengurusan Perolehan

7.5 Proses Penyediaan Perkhidmatan

7.5.1 Kawalan Ke Atas Proses

Pengurusan BPL dan ILKMM memastikan proses bagi menyediakan perkhidmatan dilaksanakan dalam keadaan terkawal. Kawalan yang dilaksanakan ini meliputi:

- i. Pematuhan kepada Manual Kualiti, Prosedur Kualiti dan Garis Panduan;
- ii. Pematuhan kepada dasar dan objektif yang ditetapkan;
- iii. Pelaksanaan proses oleh anggota yang berkelayakan;
- iv. Penggunaan peralatan dan bahan yang sesuai; dan
- v. Maklumat perkhidmatan disampaikan kepada pelanggan adalah jelas.

Dokumen berkaitan:

BPL.KKM.PK (T) 01: Perancangan Keperluan Anggota Sains Kesihatan Bersekutu

BPL.KKM.PK (T) 02: Penyediaan Takwim Akademik Tahunan

BPL.KKM.PK (T) 03: Urusan Pengambilan dan Penempatan Pelatih KKM

BPL.KKM.PK (T) 04: Penyediaan Pelan Induk Pelaksanaan Dan Jadual Waktu Mingguan

BPL.KKM.PK (T) 05: Urusan Pendaftaran Pelatih

BPL.KKM.PK (T) 06: Pelaksanaan Program Orientasi

BPL.KKM.PK (T) 07.1: Merekabentuk Kurikulum Baru

BPL.KKM.PK (T) 07.2: Semakan Semula Kurikulum



BPL.KKM.PK (T) 08.1: Pengendalian Kuliah/Amali

BPL.KKM.PK (T) 08.2: Pengendalian Klinik

BPL.KKM.PK (T) 09: Pengurusan Peperiksaan

BPL.KKM.PK (T) 10 : Menguruskan Pelantikan Pelatih Dalam Perkhidmatan Awam

***7.5.2 Validasi Proses Penyediaan Dan Penyampaian
Perkhidmatan Kepada Pelanggan***

Klausa ini tidak digunakan dalam Sistem Pengurusan Kualiti BPL dan ILKKM. Proses bagi menghasilkan perkhidmatan memerlukan verifikasi dilaksanakan sebelum perkhidmatan diberikan kepada pelanggan.

7.5.3 Identifikasi Dan Kemudahkesanan

BPL dan ILKKM menggunakan kaedah berikut bagi tujuan identifikasi:

- i. Sistem kod:
 - a. Pusat Tanggungjawab; dan
 - b. Jenis Perbelanjaan seperti Perbelanjaan Tanggungan (T), Bekalan (B) dan Pembangunan (P).
- ii. Sistem Nombor:
 - a. Nombor Siri Baucar;
 - b. Nombor Cek;
 - c. Nombor Waran, Nombor Borang; dan
 - d. Nombor Siri Harta Modal/ Inventori.
- iii. Nama dan Rujukan Fail.
- iv. Nama peserta dan nombor matriks.
- v. Keputusan peperiksaan akhir pelatih (seperti CGPA).
- vi. Nama Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia.

7.5.4 Harta Hakmilik Pelanggan

BPL dan ILKKM menerima / menyenggara harta milik pelanggan dalam dokumen pelatih.



**MANUAL KUALITI
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Muka Surat : 35 daripada 52

Dokumen dan barangan yang diterima direkod dan disimpan bagi memastikan dalam tempoh simpanan harta milik pelanggan berada dalam keadaan terkawal. Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan, pelanggan akan dimaklumkan.

**BAHAGIAN LAPAN
PENILAIAN PRESTASI**

8.1 Am

BPL dan ILKMM merancang dan melaksanakan pemantauan, pengukuran, penganalisisan dan penambahbaikan untuk:

- i. Memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti menepati perancangan;
- ii. Memastikan pelaksanaan mematuhi Sistem Pengurusan Kualiti yang telah didokumenkan; dan
- iii. Menganalisis pencapaian Sistem Pengurusan Kualiti untuk menentukan aspek-aspek penambahbaikan.

8.2 Pemantauan dan Pengukuran

8.2.1 Kepuasan Pelanggan

BPL dan ILKMM hendaklah menentukan, mengumpul dan menganalisis data yang bersesuaian untuk :

- i. Menentukan tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan; dan
- ii. Menilai penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti secara berterusan.

Kaedah yang digunakan oleh BPL dan ILKMM untuk mengukur kepuasan pelanggan melalui:

- a. kaji selidik;
- b. aduan / maklum balas pelanggan;
- c. penilaian program; dan
- d. penghargaan.

Selain kaedah penganalisisan daripada sumber yang dinyatakan di atas, BPL dan ILKMM juga menggunakan data daripada sumber lain.



Hasil penganalisan data hendaklah memberikan maklumat yang berikut:

- i. Tahap kepuasan / ketidakpuasan pelanggan;
- ii. Sama ada perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan menepati kehendak sebenar pelanggan, dan
- iii. Memberikan petunjuk kepada peluang penambahbaikan.

Dokumen Berkaitan:

BPL.KKM.PK (S) 09: Pengendalian Aduan

8.2.2 Audit Dalaman

Audit Dalaman dijalankan secara berjadual setiap satu (1) kali setahun. Tujuannya adalah untuk mengesan sama ada pelaksanaan sistem pengurusan kualiti menepati perancangan yang ditetapkan dalam Manual Kualiti dan Prosedur Kualiti.

Ketua Audit Dalaman bertanggungjawab untuk mengambil tindakan berikut:

- i. Menyediakan Jadual Audit Tahunan;
- ii. Memastikan juruaudit tidak mengaudit kerja hakikinya; dan
- iii. Menyediakan dan membentangkan Laporan Audit Dalaman dalam Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.

Pasukan audit yang dilantik hendaklah terdiri daripada mereka yang terlatih.

Dokumen Berkaitan:

BPL.KKM.PK (S) 03: Audit Dalaman

8.2.3 Pemantauan dan Pengukuran Proses

BPL dan ILKKM hendaklah memantau dan mengukur proses pelaksanaan sama ada menepati standard yang telah ditetapkan dalam dokumen Sistem Pengurusan Kualiti.

Kawalan proses meliputi :

- i. Semakan semula ke atas kurikulum;
- ii. Pemantauan ke atas proses pengajaran dan pembelajaran oleh TP Akademik/Ketua Program; dan



- iii. Pelaksanaan peperiksaan oleh Ketua Penilaian & Kualiti.

Status pemeriksaan setiap proses direkodkan dalam laporan, minit mesyuarat dan dokumen lain yang dinyatakan dalam Prosedur Kualiti.

8.2.4 Pemantauan Dan Pengukuran Perkhidmatan Dan Produk

BPL dan ILKMM hendaklah memantau dan mengukur perkhidmatan yang diberikan atau produk yang dikeluarkan sama ada menepati standard yang ditetapkan.

Pihak yang diberi kuasa boleh meluluskan perkhidmatan atau produk, meluluskan dengan pindaan, menangguhkan kelulusan atau menolak perkhidmatan atau produk yang dihasilkan berasaskan spesifikasi yang telah ditetapkan.

8.3 Kawalan Ke Atas Produk Yang Tidak Menepati Spesifikasi

BPL dan ILKMM telah mewujudkan prosedur untuk mengawal produk atau perkhidmatan yang tidak menepati spesifikasi.

Tindakan yang diambil:

- i. Tidak diterima;
- ii. Dikembalikan untuk tindakan pembetulan atau pindaan;
- iii. Diterima dengan denda;
- iv. Diganti atau disempurnakan oleh pembekal; dan
- v. Pembekal dikeluarkan daripada senarai pembekal yang berdaftar dengan BPL.

Dokumen Berkaitan

BPL.KKM.PK (S) 04: Kawalan Ke Atas Produk Yang Tidak Menepati Spesifikasi

8.4 Analisis Data

BPL dan ILKMM hendaklah menentukan dan menganalisis data yang bersesuaian dan menunjukkan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti untuk menilai penambahbaikan yang berterusan ke atas Sistem Pengurusan Kualiti. Penganalisan ini meliputi data yang dihasilkan daripada pemantauan, pengukuran dan sumber-sumber lain yang bersesuaian.

Hasil penganalisan data hendaklah memberikan maklumat tentang:

KELUARAN: 01	PINDAAN: 02	09 OGOS 2018
---------------------	--------------------	---------------------



- i. Tahap kepuasan pelanggan BPL dan ILKKM;
- ii. Perkhidmatan atau produk yang dihasilkan menepati spesifikasi;
- iii. Peluang untuk penambahbaikan dan pencegahan; dan
- iv. Tahap prestasi pembekal (penyedia luar).

8.5 Penambahbaikan

8.5.1 Penambahbaikan yang Berterusan

BPL dan ILKKM hendaklah melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti yang dilaksanakan berdasarkan pencapaian Objektif Kualiti, analisis data, hasil penemuan audit dalaman dan ulasan pihak pengurusan.

8.5.2 Tindakan Pembedulan

BPL dan ILKKM hendaklah mengambil tindakan pembedulan. Tindakan pembedulan diambil untuk menentukan punca berlakunya ketakakuran dan tindakan yang diambil untuk memastikan ketakakuran yang sama berulang. Tindakan pembedulan hendaklah sesuai dengan tahap impak ketakakuran.

BPL dan ILKKM menyediakan prosedur tindakan pembedulan yang meliputi:

- i. Identifikasi ketakakuran;
- ii. Penentuan punca ketakakuran;
- iii. Penilaian keperluan tindakan mencegah pengulangan;
- iv. Penentuan dan pelaksanaan tindakan pembedulan; dan
- v. Kajian semula terhadap tindakan pembedulan yang diambil.

Dokumen Berkaitan:

BPL.KKM.PK (S) 05: Tindakan Pembedulan, Pencegahan dan Penambahbaikan

8.5.3 Penambahbaikan Berterusan

KELUARAN: 01	PINDAAN: 02	09 OGOS 2018
---------------------	--------------------	---------------------



**MANUAL KUALITI
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Muka Surat : 39 daripada 52

BPL dan ILKMM hendaklah mengambil tindakan pencegahan. Tindakan pencegahan diambil untuk menentukan potensi punca ketakakuran dan tindakan yang diambil untuk memastikan ketakakuran yang sama tidak berulang. Tindakan pencegahan perlu sesuai dengan tahap dan impak masalah.

BPL dan ILKMM menyediakan prosedur tindakan pencegahan yang meliputi:

- i. Identifikasi potensi ketakakuran;
- ii. Identifikasi potensi risiko;
- iii. Penentuan potensi punca ketakakuran;
- iv. Penilaian keperluan tindakan pencegahan;
- v. Perlaksanaan tindakan pencegahan; dan
- vi. Kajian semula terhadap tindakan pencegahan yang diambil.

Dokumen Berkaitan:

BPL.KKM.PK (S) 05: Tindakan Pembetulan, Pencegahan dan Penambahbaikan

SALINAN TERKAWAL



**BAHAGIAN SEMBILAN
PERANCANGAN PENGURUSAN RISIKO**

9.1 Tindakan Bagi Menentukan Risiko dan Peluang

9.1.1 Risiko dan Peluang

Risiko merupakan suatu kejadian atau peristiwa yang memberi impak kepada pencapaian atau objektif sesebuah agensi; dan

Risiko juga adalah kombinasi dari kebarangkalian berlakunya kerosakan, kecederaan, kerugian atau kejadian negatif lain akibat kelemahan dalaman atau luaran yang boleh ditangani melalui perancangan awal.

Peluang dilihat sebagai kemungkinan yang berdaya maju dan memberi impak yang baik kepada organisasi sama ada melalui penggunaan teknologi baharu, pengenalan program/ produk baru mahupun capaian kepada pelanggan/ pasaran baru.

Penentuan risiko dan peluang adalah merujuk kepada keperluan dalam Bahagian Dua iaitu Pihak Berkepentingan, Isu Luaran dan Isu Dalaman.

Risiko boleh berlaku akibat faktor luaran dan dalaman organisasi seperti perubahan dan peningkatan penggunaan teknologi; kedudukan semasa ekonomi serantau; perubahan kepimpinan dalam organisasi; dasar-dasar berkaitan peruntukan kewangan dan mobiliti sumber manusia di mana ia memberi kesan negatif kepada aktiviti seterusnya pencapaian dan objektif organisasi.

Namun, perubahan faktor luaran dan dalaman organisasi dianggap peluang jika ia mampu membawa organisasi ke arah yang lebih berdaya maju. Usaha mendapatkan pengiktirafan dari Badan Pengiktiraf untuk program yang dilaksanakan mampu menarik lebih ramai pelatih menyertai program yang ditawarkan di ILKMM termasuk pelatih dari luar negara.

Jadual dibawah menunjukkan perkaitan antara Pihak Berkepentingan, Isu Luaran dan Isu Dalaman dengan Risiko dan Peluang.

BIL	ISU	RISIKO	PELUANG
1.	Kedudukan semasa ekonomi serantau dan global memberi kesan kepada	Program/ aktiviti Kementerian/ jabatan/ agensi akan terjejas jika peruntukan berkurangan.	Kedudukan ekonomi serantau yang kukuh mengukuhkan kedudukan kewangan di peringkat pemerintahan pusat



**MANUAL KUALITI
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Muka Surat : 41 daripada 52

BIL	ISU	RISIKO	PELUANG
	kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan (Peruntukan Kewangan Organisasi)		dan ini memungkinkan peruntukan kewangan organisasi bertambah, membolehkan lebih banyak program-program baru dilaksanakan.
2.	Promosi Politik	-	Promosi di peringkat kepimpinan tertinggi membantu perkembangan dan pembangunan Instiut Latihan (Cth:mempromosi Program-program di peringkat Antarabangsa)
3.	Serangan Siber	Kebocoran rahsia kerajaan memungkinkan program/ aktiviti Kementerian/ jabatan/ agensi terjejas.	-
4.	Bencana Alam	Program/ aktiviti Kementerian/ jabatan/ agensi akan terjejas.	-
5.	Hebahan Awam dan Media Luar	Nama Kementerian/ jabatan/ agensi akan terjejas dan penyebaran maklumat palsu kepada rakyat.	-
6	Teknologi Perubatan	Program Latihan tidak memenuhi keperluan perubahan teknologi	Pelaksanaan Program baru
7.	Perubahan kepimpinan di pelbagai peringkat.	Perubahan dasar, dan halatuju aktiviti/ program	Pelaksanaan program baru
8.	Pengiktirafan Program Latihan	-	Menarik lebih ramai pelatih menyertai program yang ditawarkan di ILKMM termasuk pelatih dari luar negara.
9.	Tenaga Pengajar (Kepakaran)	-	Tenaga pengajar yang mempunyai pengalaman dan

KELUARAN: 01

PINDAAN: 02

09 OGOS 2018



**MANUAL KUALITI
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Muka Surat : 42 daripada 52

BIL	ISU	RISIKO	PELUANG
			kepakaran dalam bidang masing-masing menyediakan latihan yang berkualiti kepada pelatih.
10.	Pengurusan Peperiksaan	Kebocoran soalan peperiksaan	-
11.	Tapisan kesihatan pengambilan pelatih.	Ambilan pelatih yang mempunyai masalah kesihatan dan kecacatan.	-
12.	Pembekal	Pembekal yang membekalkan produk atau perkhidmatan tidak mengikut spesifikasi menjejaskan aktiviti yang dirancang.	-
13.	Penempatan pelatih di Pejabat Kesihatan Daerah dan Hospital	Tidak mencapai objektif penempatan klinikal kerana kekurangan kes.	-

Jadual Pengurusan Risiko adalah seperti di Lampiran 4.

9.2 Objektif Risiko

- i. Pengurusan risiko didefinisikan sebagai penyelarasan aktiviti organisasi secara bersepadu melalui penetapan hala tuju dan kawalan dalam menghadapi risiko;
- ii. Melindungi aset dan sumber-sumber berharga;
- iii. Melindungi dan meningkatkan reputasi atau imej sesebuah organisasi;
- iv. Mewujudkan proses bagi mengenalpasti, menilai, mengukur, memantau, mengawal dan menangani risiko;
- v. Memupuk budaya pengurusan risiko ke atas warga organisasi; dan
- vi. Menyediakan satu rangka kerja pemulihan perkhidmatan yang komprehensif yang dapat digunakan ketika berlakunya insiden atau krisis.

KELUARAN: 01	PINDAAN: 02	09 OGOS 2018
---------------------	--------------------	---------------------



9.3 Methodologi Risiko Bahagian Pengurusan Latihan, KKM

9.3.1 Definisi Pengurusan Risiko

Pengurusan Risiko didefinisikan sebagai rangka kerja dan proses yang membolehkan sesuatu organisasi menguruskan ketidaktentuan dalam menghadapi risiko melalui kaedah yang sistematik, berkesan, efisien daripada perspektif strategik selain menyokong penambahbaikan secara berterusan.

9.3.2 Prinsip Pengurusan Risiko

- i. Mempertahan nilai dalam organisasi;
- ii. Perlu menjadi tunjang dalam operasi dalam organisasi;
- iii. Sebahagian dari proses membuat keputusan;
- iv. Menguraikan ketidakpastian di dalam membuat keputusan;
- v. Bersistematik, berstruktur dan mempunyai tempoh masa;
- vi. Disesuaikan dengan organisasi;
- vii. Telus dan merangkumi semua faktor
- viii. Dinamik dan berubah mengikut masa
- ix. Digunakan untuk peningkatan berterusan.

9.3.3 Skala Tahap Risiko

Skala Tahap Risiko diukur melalui hasil gabungan kebarangkalian dan impak:

- Kebarangkalian (1-5) x Impak (1-5) = Skala Tahap Risiko (1-25)

9.3.4 Matriks Kebarangkalian Dan Impak

KETENATAN (SEVERITY)	SKALA		KEBOLEHJADIAN (LIKELIHOOD)				
			TIADA KESAN	KECIL	SEDERHANA	BESAR	SANGAT BESAR
			1	2	3	4	5
HAMPIR PASTI	5	5	10	15	20	25	
KEMUNGKINAN TINGGI	4	4	8	12	16	20	
ADA KEMUNGKINAN	3	3	6	9	12	15	
KEMUNGKINAN RENDAH	2	2	4	6	8	10	



**MANUAL KUALITI
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Muka Surat : 44 daripada 52

JARANG	1	1	2	3	4	5
--------	---	---	---	---	---	---

Nota Matrik Risiko :

Skala 15-25 merujuk kepada Bahaya Signifikan/ Ketara; dan
Skala 1-14 merujuk kepada Bahaya yang tidak Signifikan/ Ketara.

9.3.5 Had Penerimaan Tahap Risiko

TAHAP RISIKO	SKALA TAHAP RISIKO	PENERANGAN TAHAP RISIKO
SANGAT BESAR (<i>EXTREME</i>)	20 - 25	Risiko sangat tinggi, pelan tindakan terperinci diperlukan
BESAR (<i>HIGH</i>)	16 – 20	Risiko tinggi, diberi perhatian oleh pengurusan atasan
SEDERHANA (<i>MEDIUM</i>)	12 – 15	Risiko sederhana, diurus dan diberi perhatian oleh pihak yang dipertanggungjawabkan
KECIL (<i>LOW</i>)	6 – 10	Risiko rendah, diuruskan mengikut prosedur sedia ada
TIADA KESAN (<i>NO EFFECT</i>)	1 – 5	Risiko yang tidak memberi kesan kepada organisasi

9.3.6 Ketenatan (Severity)

Skala input Ketenatan(Severity) adalah tergunapakai bagi setiap aktiviti di BPL yang merujuk kepada kekerapan kejadian berlaku termasuk kejadian yang berulang.

SKALA	KETENATAN (SEVERITY)
5	Berlaku lebih empat (4) kali dalam 12 bulan / lebih daripada 50% kejadian
4	Berlaku tiga (3) kali dalam 12 bulan / 30% kejadian
3	Berlaku dua (2) kali dalam 12 bulan / 10% kejadian
2	Berlaku sekali (1) dalam 12 bulan / 5% kejadian
1	Tidak pernah berlaku dalam masa 12 bulan / 0% kejadian



9.3.7 Kebolehjadian (Likelihood)

Bagi input Skala Kebolehjadian (Likelihood), skala adalah tergunapakai bagi setiap aktiviti di BPL yang merujuk kepada pelaksanaan aktiviti di organisasi.

SKALA	KEBOLEHJADIAN (LIKELIHOOD)
5	Sangat Besar
4	Besar
3	Sederhana
2	Kecil
1	Tiada Kesan

9.4 Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko

BPL telah mewujudkan Pasukan Pelaksana Pengurusan Risiko BPL. Pasukan ini diketuai oleh Pegawai Risiko dan ahli-ahli yang terdiri daripada semua ketua unit dan pengarah ILKMM. Di antara peranan dan tanggungjawab pasukan ini adalah:

- i. Mengetahui pasti risiko, ancaman dan impak bagi setiap prosedur dalam setiap unit;
- ii. Membangun, mengemaskini dan memantau pengurusan risiko bahagian supaya sentiasa lengkap dan terkini;
- iii. Menilai, menganalisis, mengklasifikasikan dan mengenalpasti impak risiko di setiap unit;
- iv. Mewakili dan mengetuai unit masing-masing dalam menangani dan mengawal risiko di peringkat unit; dan
- v. Mencadangkan kepada pengurusan atasan agensi bagi perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan risiko agensi.

Dokumen Rujukan:

Pengurusan Risiko BPL, KKM (Dikepulkan bersama setiap dokumen prosedur kerja)




**MANUAL KUALITI
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Muka Surat : 46 daripada 52

Lampiran 1a

**CARTA ORGANISASI
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**






**MANUAL KUALITI
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Muka Surat : 47 daripada 52

Lampiran 1b

**CARTA ORGANISASI
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN**






**MANUAL KUALITI
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Muka Surat : 48 daripada 52

Lampiran 1c


**CARTA ORGANISASI ILKKM
SUNGAI BULOH, SELANGOR / SULTAN AZLAN SHAH, IPOH, PERAK / JOHOR
BAHRU, JOHOR / KOTA KINABALU, SABAH / KUCHING, SARAWAK**





Lampiran 1d


**CARTA ORGANISASI ILKKM
(KEJURURAWATAN / PEMBANTU PERUBATAN / KESIHATAN AWAM /
MAKMAL TEKNOLOGI PERUBATAN)**





Lampiran 2


CARTA ALIRAN PROSES UTAMA





Lampiran 3

JAWATANKUASA PEMANDU BPL





**MANUAL KUALITI
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Muka Surat : 52 daripada 52

Jadual Pengurusan Risiko

LAMPIRAN 4

Disediakan Oleh : PSU K (PTK)	Kebarangkalian/ Kebolehdajian	Impak
Tarikh : 15 Dis 2017	1:Jarang	1:Tiada Kesan
Disemak Oleh : KPSU (PTK)	2:Kemungkinan Rendah	2:Kecil
Tarikh : 15 Dis 2017	3:Ada Kemungkinan	3:Sederhana
Disahkan Oleh : TSUB (DL)	4:Kemungkinan Tinggi	4:Besar
Tarikh : 15 Dis 2017	5:Hampir Pasti	5:Sangat Besar

Bil.	1. Kenal pasti risiko			2. Penilaian Risiko					3. Kawalan				
	Isu	Risiko	Kesan	Kawalan Sedia Ada	Kebarangkalian [1-5]	Impak [1-5]	Tahap risiko	Keterangan Risiko	Tindakan	Perancangan Kawalan	Pegawai Bertanggungjawab	Tempoh Masa	Status
	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)	(f)	(g) = (f)x(e)	(h)	(i)	(j)	(k)	(l)	(m)
Luaran													
1	Kedudukan semasa ekonomi serantau dan global memberi kesan kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan (Peruntukan Kewangan Organisasi)	Program/ aktiviti di Organisasi akan terjejas jika peruntukan berkurangan.	Pelaksanaan program/ aktiviti tidak dapat dilaksanakan mengikut perancangan.	Kawalan peruntukan kewangan dari Ibu Pejabat KKM.	1:Jarang	4:Besar	4	Tiada Kesan	Terima				
2	Serangan Siber	Program/ aktiviti di Organisasi akan terjejas dan kebocoran rahsia kerajaan.	Pelaksanaan Program/ aktiviti akan terjejas dan kebocoran rahsia kerajaan.	Monitoring dan peringan berkala dari unit Teknologi Maklumat.	1:Jarang	4:Besar	4	Tiada Kesan	Terima				
3	Bencana Alam	Program/ aktiviti di Organisasi akan terjejas.	Pelaksanaan Program/ aktiviti akan terjejas.	SOP menghadapi bencana	1:Jarang	4:Besar	4	Tiada Kesan	Terima				
4	Hebahan Awam dan Media Luar	Nama Kementerian di Organisasi akan terjejas dan penyebaran maklumat palsu kepada rakyat.	Menjejaskan nama KKM akibat penyebaran maklumat palsu.	Kawalan hebahan maklumat di peringkat KKM.	1:Jarang	5:Sangat Besar	5	Tiada Kesan	Terima				
5	Teknologi Perubatan	Program Latihan tidak memenuhi keperluan perubahan teknologi	Program latihan tidak seiring perubahan teknologi perubatan semasa.	Latihan dalam perkhidmatan secara berterusan.	1:Jarang	5:Sangat Besar	5	Tiada Kesan	Terima				
6	Perubahan kepimpinan di pelbagai peringkat.	Perubahan dasar, dan halatuju program/aktiviti	Perubahan pada perkara dasar, dan halatuju program/aktiviti.	Pelaksanaan program/ aktiviti berdasar kepada dasar semasa.	2:Kemungkinan Rendah	2:Kecil	4	Tiada Kesan	Terima				
Dalaman													
7	Tapisan kesihatan pengambilan pelatih.	Ambilan pelatih yang mempunyai masalah kesihatan dan kecacatan.	Gangguan dalam penyampaian program/ aktiviti latihan.	Garis panduan pengambilan pelatih.	2:Kemungkinan Rendah	2:Kecil	4	Tiada Kesan	Terima				
8	Pengurusan Peperiksaan	Kebocoran Soalan Peperiksaan.	Kredibiliti dan kualiti Pelatih terjejas.	Gari panduan pengurusan peperiksaan.	1:Jarang	5:Sangat Besar	5	Tiada Kesan	Terima				
Pihak Berkepentingan													
9	Penempatan pelatih di Pejabat Kesihatan Daerah & Hospital/ Klinik Kesihatan	Tidak mencapai objektif penempatan klinikal kerana kekurangan kes.	Objektif penempatan klinikal tidak tercapai.	Pemantauan melalui jadual penempatan semula dan penggunaan buku Log.	3:Ada Kemungkinan	3:Sederhana	9	Kecil	Terima				
10	Pembekal dalam Kontrak Pusat	Pembekal tidak mengikut spesifikasi.	Tidak memenuhi kehendak organisasi.	Penilaian Pembekal.	1:Jarang	4:Besar	4	Tiada Kesan	Terima				

KELUARAN: 01

PINDAAN: 02

09 OGOS 2018